

Kisah Kejayaan (Jul - Sep 2015) PI KPG.HILIR MALUDAM

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
Name of PI Nama PI	Pusat Internet Kg. Hilir Maludam
Location Lokasi	Kpg Maludam Pusa, Betong Sarawak
Name of person(s) Nama	Mastura Ak. Apa
Details of person (s) Butiran diri	UMUR: 11 Tahun JANTINA: Perempuan TAHAP PENDIDIKAN: Sekolah Rendah PEKERJAAN: PELAJAR TAHUN 5
Success story Kisah kejayaan	<p><i>How did you use the internet to achieve your success, please elaborate your story</i></p> <p><i>Bagaimana anda menggunakan internet untuk mencapai kejayaan anda, sila huraikan cerita anda.</i></p> <p style="text-align: center;">❖ <i>Sepertimana yang saya pelajari disekolah dan yang selalu disebut oleh guru saya, internet kini bukan lagi satu kemudahan bahkan satu keperluan yang banyak mempengaruhi kehidupan kita seharian. Dengan adanya internet, saya boleh mencari pelbagai maklumat yang diinginkan bukan sahaja untuk pelajaran tetapi juga maklumat-maklumat am. Dengan adanya internet, saya boleh membuat pembelajaran bersendirian. Walaupun dirumah saya tetap masih mendapatkan maklumat dengan adanyan internet dan tidak lagi bergantung kepada guru semata-mata.</i></p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	<p><i>How did your life improved after learning how to use the internet</i></p> <p><i>Bagaimana anda memperbaiki hidup anda setelah mempelajari cara penggunaan internet.</i></p> <p>❖ <i>Mengenali internet membuatkan saya semakin mengenali kepesatan teknologi maklumat dan semakin mengetahui kehidupan disekeliling. Kewujudan internet ibarat suatu keajaiban bagi saya. Hal ini kerana kita boleh mngetahui apa-apa maklumat sama ada dalam dan luar negara hanya dihujung jari. Dengan adanya internet, saya dapat akses ke laman pembelajaran atas talian seperti uncliq, tutor tv dan sebagainya. Internet ibarat guru kedua saya. Belajar tidak lagi hanya dengan kaedah membaca tetapi menonton juga merupakan salah satu kaedah pembelajaran yang berkesan.</i></p>
<p>Keterangan gambar Photo caption</p>	<p><i>Describe activity and person(s) in every photo provided</i> <i>Huraikan aktiviti dan orang pada setiap gambar yang telah disediakan.</i></p>

**ITEM
JENIS****INFORMATION
MAKLUMAT****GAMBAR 1**

Mastura bersemangat mengenakan pakaian tradisional Iban sempena Program Semarak Mrdeka Sehati Sejiwa yang diadakan pada 30 Ogos yang lepas.

**ITEM
JENIS****INFORMATION
MAKLUMAT****GAMBAR 2**

Mastura sentiasa memberi komitmen yang baik dengan sentiasa menghadiri kelas yang dijalankan. Dia jua selalu menjadi rujukan rakan-rakan yang lain.

GAMBAR 3

Mastura fokus dalam sesi latihan

**Photo caption names
Keterangan gambar**

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
berserta nama	<i>-Tiada-</i>
Feedback Maklumbalas	<p data-bbox="618 331 1247 367">1. <i>What was your first impression towards PI?</i></p> <p data-bbox="667 386 1300 422"><i>Apakah pandangan pertama anda terhadap PI?</i></p> <p data-bbox="667 441 1396 1077">❖ <i>PI ibarat seperti sebuah perpustakaan desa. Jika di perpustakaan desa saya boleh dapati pelbagai jenis buku untuk dibaca dan dirujuk. Tetapi jika di PI, dengan hanya dihadapan komputer, pelbagai jenis maklumat yang boleh saya dapati dengan lebih cepat. Saya hanya perlu akses kepada internet, pergi ke enjin carian dan saya akan dapat apa yang dimahukan. Tidak perlu membuang masa untuk membelek buku dan membaca satu-persatu. Internet memudahkan semua urusan. Dengan wujudnya PI dikampung saya, kini semuanya lebih mudah dan cepat.</i></p> <p data-bbox="618 1262 1396 1297">2. <i>What attracted you to come and use the facilities in PI?</i></p> <p data-bbox="667 1316 1396 1409"><i>Apakah tarikan utama anda untuk datang dan menggunakan kemudahan di PI?</i></p> <p data-bbox="716 1428 1396 1860">❖ <i>. Tentunya komputer dan internet. Berkemahiran menggunakan internet adalah suatu kelebihan bagi saya. Hal ini adalah kerana bagi kawasan pedalaman seperti kami, hanya segelintir pihak yang mempunyai komputer dirumah. Dengan adanya Pusat Internet ini kami dapat belajar menggunakan komputer secara percuma. Selain itu kakak dan abang yang belajar di Sekolah Menengah tidak lagi bermasalah untuk membuat</i></p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	<p><i>kerja kursus.</i></p> <p>3. How can PI help others to be successful? <i>Bagaimanakah cara PI dapat membantu bagi mencapai kejayaan individu/kumpulan lain?</i></p> <p><i>❖ Dengan adanya kelas latihan ICT, kelas keusahawanan dan lain-lain, PI banyak membantu dan mengubah gaya hidup masyarakat kampung. Sebagai pelajar, saya kini sudah mampu belajar sendiri tanpa bergantung terhadap buku-buku dan guru semata-mata. Kebanyakan peniaga kampung juga kini sudah mula memasarkan produk mereka menggunakan kaedah jualan atas talian. Selain itu, dengan adanya petugas PI yang sentiasa membantu bukan hanya berkaitan ict, internet, keusahawanan sahaja bahkan dari segenap aspek membuatkan kami semakin berkebolehan.</i></p> <p>4. Can you suggest improvement to be made to PI? <i>(facilities, training activities, promotions, etc)</i> Berikan cadangan dan pandangan bagi menambahbaik PI? (kemudahan, aktiviti latihan / kursus, promosi dan lain-lain.</p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	<p>Dari segi kemudahan:</p> <ul style="list-style-type: none"> ❖ <i>Menyediakan satu sudut khas bacaan yang dilengkapi dengan pelbagai jenis buku.</i> ❖ <i>Kaunter pembayaran bil yang memudahkan urusan pembayaran masyarakat kampung dan tidak hanya tertumpu di Agen BSN sahaja.</i> <p>▪ Aktiviti latihan/kursus/promosi DLL:</p> <p>Cadangan:</p> <ul style="list-style-type: none"> ❖ Menyediakan kawasan yang lebih sesuai dan luas untuk keselesaan masyarakat. Lebih banyak kursus dan latihan yang disediakan.

**PLEASE SUBMIT FULL WRITTEN SUCCESS STORY (MINIMUM 1 PAGE) & PHOTOS
BASED ON THIS GUIDE TO THE CONTENT APPLICATION DEVELOPMENT DEPARTMENT**

**SILA KEMUKAKAN KISAH KEJAYAAN SECARA BERTULIS (MINIMUM 1 MUKA SURAT) &
GAMBAR-GAMBAR BERDASARKAN PANDUAN YANG DIBERIKAN DAN DIHANTAR KE
JABATAN PEMBANGUNAN APLIKASI KANDUNGAN**